



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 01/2022**

**MUHASABAH DIRI SATU TUNTUTAN**

**04 Jamadil Akhir 1443 H**

*Bersamaan*

**07 Januari 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ أَجْمَعِينَ ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ وَحَاسِبُوا أَنْفُسَكُمْ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ

Marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya, mudah-mudahan kita akan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Sempena berakhirnya tahun 2021 dan bermulanya tahun 2022, Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk:

### **“Muhasabah Diri Satu Tuntutan”**

**Sidang Jemaah yang berbahagia,**

Firman Allah dalam surah al Anbiya' ayat 47:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ فَلَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَإِنْ كَانَ مِثْقَالَ

حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ أَتَيْنَا بِهَا وَكَفَىٰ بِنَا حَسِيبِينَ ﴿٤٧﴾

**Yang bermaksud:** Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.

Ayat ini menunjukkan bahawa semua amalan yang dilakukan oleh manusia dalam hidup ini sama ada kecil atau besar akan ditimbang, dihitung dan dibalas oleh Allah s.w.t, di hari akhirat nanti. Justeru sebelum ia ditimbang dan dihitung, sebaik-baiknya kita perlu terlebih dahulu menilai dan menghitungnya agar dapat mengenal pasti dan mengesan kekuatan dan kelemahan supaya kita dapat memperbaiki dan meningkatkan pencapaian diri, itulah muhasabah.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah!**

Muhasabah merupakan suatu proses yang sangat baik bagi mengukur pencapaian, prestasi, kejayaan dan kelemahan diri di sepanjang tahun sama ada sebagai seorang pemimpin, ketua keluarga, penjawat awam atau individu muslim.

Rasulullah s.a.w bersabda:

الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهُ  
وَ تَمَنَّى عَلَى اللَّهِ الْأَمَانِي

( رواه الترمذي )

**Yang bermaksud:** Orang yang bijak ialah orang yang bermuhasabah dirinya dan beramal untuk selepas mati. Orang yang lemah ialah orang yang membiarkan dirinya tunduk kepada hawa nafsunya sedang ia mengharapkan keamanan daripada Allah.

(H.R. al Tirmizi)

Muhasabah bukan sahaja proses “bedah siasat” untuk menilai kegagalan dan kejayaan di dunia semata-mata, malah yang lebih penting lagi, ia merupakan proses menilai kejayaan dunia yang membawa kejayaan kita pada hari akhirat.

Firman Allah dalam surah al Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ

بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

**Yang bermaksud:** Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). dan (sekali lagi diingatkan): bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat meliputi pengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.

Saiyidina Umar ibnu al Khattab r.a pernah berkata: Hitungkanlah diri kamu sebelum kamu dihitungkan, timbangkanlah diri kamu (amal-amal kamu) sebelum kamu ditimbangkan, maka sesungguhnya lebih mudah hitungan ke atas kamu pada hari esok (hari akhirat) bahawa kamu menghitung diri kamu pada hari ini (di dalam dunia ini).

(H.R. Abu al Dunia dan Ahmad)

## **Sidang Jumaat yang kasihi Allah**

Pertamanya muhasabah diri sebagai pemimpin masyarakat. Kita perlu muhasabah diri, merenung dan menghitung sejauhmana kita telah berjaya menunaikan tanggungjawab dan amanah kepimpinan ini terhadap orang yang kita pimpin, adakah kita benar-benar memimpin dengan adil dan berintegriti dengan memberi hak kepada yang berhak, dan membantu golongan yang dhaif. Begitu juga jika kita sebagai penjawat awam, perlu menilai dengan hati yang jujur dan ikhlas sejauhmana kita telah memberi khidmat yang terbaik kepada orang ramai, membantu kelancaran pelaksanaan semua aktiviti dan rancangan untuk kemakmuran negeri dan rakyat.

Andainya muhasabah diri mengatakan kita sudah berjaya menunaikan semua tugas dan tanggungjawab, perbanyakkan pujian kita kepada Allah. Jika ia adalah sebaliknya, perbanyakkan istighfar dan perkuatkan azam serta tekad dan keikhlasan untuk memperbaiki kelemahan di tahun akan datang. Perlu kita insaf bahawa kepimpinan dan jawatan yang kita pegang itu bukanlah satu kemuliaan di sisi Allah, tetapi ianya adalah tanggungjawab dan amanah.

Berkata Nabi saw kepada Abu Zar al Ghifaari apabila beliau meminta untuk dilantik kepada satu jawatan, sabda Nabi saw: Wahai Abu Zar, sesungguhnya awak adalah lemah, sedang jawatan tersebut adalah amanah, sesungguhnya ia pada hari qiamat adalah satu kerugian dan penyesalan , kecuali bagi yang mengambil jawatan tersebut dengan cara yang benar dan menunaikan segala kewajipannya”

(Riwayat Muslim)

Manakala kita sebagai ketua keluarga, kita perlu sentiasa muhasabah diri dengan menilai diri sejauh mana kita sudah berjaya menjadikan keluarga kita keluarga yang bahagia, sakinah, harmoni, aman dan damai diikat dengan rasa cinta dan kasih sayang sebenar antara suami, isteri dan anak-anak. Sebagai suami sudah

berjayakah kita menunaikan kewajiban kita, memberi hak dan kasih sayang kepada isteri, membimbing isteri mengenal dan taat kepada Allah. Sebagai bapa pula, sudah berjayakah kita memberi kasih sayang kepada anak-anak kita, mendidik dan membesarkan mereka menjadi insan yang baik, berilmu, dan yang mengenal Allah sebagai penciptanya. Firman Allah dalam surah Ar-Rum ayat 21:

**Yang bermaksud:** "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan menjadikan di antara kamu kasih sayang dan belas kasihan".

Yang terakhir kita perlu muhasabah diri sebagai seorang individu muslim, kita perlu tanya kepada diri kita, berjayakah menjadi seorang hamba Allah yang baik sepanjang tahun 2021, sempurnakah ibadahku yang wajib kepada Allah atau masih banyak kelemahan yang mesti aku perbaiki? Sudah bersihkan diriku dari dosa dan noda atau masih banyak lagi larangan Allah yang aku seronok lakukan? Sudah sucikah hatiku dengan keimanan yang jitu kepada Allah, atau masih ada lagi kepercayaan syirik, sifat buruk seperti sombong, riya', takabbur, hasad dengki dan ujub bersarang di dalam hatiku? Sudah sempurnakah akhlakku dengan insan-insan sekelilingku, dengan anak isteriku, ibubapaku, saudara-saudaraku, jiran-jiran dan kawan-kawanku? Firman Allah dalam surah As-Shams, ayat 9 - 10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ۙ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ۙ

**Yang bermaksud:** Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih dengan iman dan amal soleh. Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya itu susut dan terbenam kebersihannya disebabkan kekotoran maksiat.

## Sidang Jumaat yang dimuliai Allah!

Terdapat banyak kelebihan dan faedah yang hasil daripada sentiasa bermuhasabah diri antaranya:

**Pertama:** Orang yang muhasabah diri akan dapat mengenal pasti keaiban dan kekurangan dirinya sebagai seorang hamba Allah yang banyak melakukan kesalahan. Dengan kesedaran tersebut akan mendorongkannya untuk beristighfar dan bertaubat kepada Allah s.w.t. sabda Rasulullah s.a.w:

كُلُّ بَنِي آدَمَ خَطَّاءٌ ، وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

**Yang bermaksud:** Setiap anak Adam banyak melakukan kesalahan dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan ialah orang yang banyak bertaubat.

(Hadis riwayat al Tirmizi)

**Kedua:** Orang yang muhasabah diri akan dapat mengubahkannya ke arah yang lebih baik, kerana orang yang baik ialah orang yang dapat mengambil pengajaran daripada kesilapan masa lampau serta berusaha untuk memperbaiki dan membetulkannya. Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 135:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا الذُّنُوبَ مِنْهُمْ وَمَنْ يَغْفِرِ اللَّهُ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾

**Yang bermaksud:** Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah , dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji

yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

**Ketiga** : Orang yang muhasabah diri akan dapat membersihkan jiwanya dari segala kekotoran yang menjadi punca kepada beberapa penyakit dalam jiwa, seperti riya', sombong, irihati, hasad dengki dan sebagainya.

Kesimpulannya: Muhasabah diri adalah suatu keperluan dalam hidup ini, bagi mengenal pasti kekuatan diri untuk dimanfaatkan dan mengenal pasti kelemahan diri untuk diperbaiki. Muhasabah diri juga sebagai suatu penilaian terhadap diri sendiri sebelum ia dinilai oleh orang lain. Malah sebelum ia dinilai oleh Yang maha berkuasa di hari Akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَوْمَ تَجِدُ كُلُّ نَفْسٍ مَّا عَمِلَتْ مِنْ خَيْرٍ مُّحَضَّرًا وَمَا عَمِلَتْ مِنْ سُوءٍ تَوَدُّ لَوْ أَنَّ بَيْنَهَا

وَبَيْنَهُ أَمَدًا بَعِيدًا وَيَحْذِرُكُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٣٠﴾

**Yang Maksudnya:** (ingatlah) hari (kiamat yang padanya) tiap-tiap seorang akan mendapati apa sahaja kebaikan yang telah dikerjakannya, sedia (dibentangkan kepadanya dalam surat-surat amalnya); dan demikian juga apa sahaja kejahatan yang telah dikerjakannya. (ketika itu tiap-tiap orang yang bersalah) ingin kalau ada jarak yang jauh di antaranya dengan amalnya yang jahat itu. dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyiksa kamu). dan (ingatlah juga), Allah amat belas kasihan kepada hamba-hambaNya.

(Surah Al- Imran: 30 )

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفَّ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعْكَو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ  
الْعَابِدِينَ.

“Ya Allah turunkanlah hukumanMu atas kaum Yahudi yang melakukan kezaliman  
dengan membunuh saudara- saudara kami kaum muslimin di Palestin, Ya Allah  
hukumilah mereka sesungguhnya mereka tak mampu melemahkanMu,”

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

“Ya Allah selamatkan lah saudara-saudara kaum muslimin yang lemah di Palestin, teguhkan iman mereka dan bantulah mereka, Ya Allah sayangi dan kasihilah mereka dan keluarkanlah mereka dari penindasan musuh- musuh mereka,”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أَذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.